


TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

HELAIAN FAKTA DANA UTAMA 2022



TAKAFUL & KAMI

Takaful secara harfiah bermaksud tanggungjawab, jaminan, jaminan kolektif dan usaha bersama. Secara umum, takaful diasaskan pada pengaturan kerjasama (*Ta'awun*) berdasarkan prinsip-prinsip bersama dan solidariti, merangkumi unsur-unsur indemniti dan kepentingan bersama. Takaful ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, iaitu perkiraan berasaskan pertolongan secara kolektif yang di bawahnya peserta takaful bersetuju menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama bagi menyediakan manfaat kewangan bersama untuk dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada beneficiariya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.

Bergantung pada model takaful yang diluluskan, caruman peserta akan disalurkan ke dana berasingan untuk pelaburan. Dana-dana* kami hanya dilaburkan di dalam pelaburan patuh Syariah, dalam dan luar negara. Setiap pelaburan dibuat selepas mengambil kira risiko dan pulangan yang terlibat.

Di Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN), kami mendukung nilai-nilai ini melalui amalan profesional bagi menyediakan segala keperluan peserta. Nilai-nilai ini amat jelas dalam setiap transaksi sekaligus menjadikan kami sebagai pilihan berhemat.

Melalui rangkaian agensi dan rakan niaga, kami menyediakan pelbagai produk inovatif yang melindungi setiap aspek kehidupan anda. Daripada perlindungan ke simpanan dan keperluan kerohanian, setiap produk kami dicipta untuk memberikan ketenangan minda anda.

* Dana-dana Takafulink adalah instrumen pelaburan yang mematuhi Syariah.

TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

Ciri-ciri Dana	
Objektif Pelaburan	Takafulink Dana Ekuiti Dinasti (Dana) bertujuan untuk menyediakan peningkatan modal jangka panjang dengan melabur di dalam pelaburan yang mematuhi Syariah yang mempunyai pendedahan di rantau Greater China.
Strategi Pelaburan & Pendekatan	Dana bertujuan untuk mencapai objektif dengan melabur di dalam Dana Ekuiti Dinasti Eastspring Investments (Dana Sasaran atau DEF) yang diuruskan oleh Eastspring Investments Berhad. Dana Sasaran bertujuan untuk mencapai matlamatnya dengan melabur terutamanya di dalam ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah syarikat yang berpangkalan di rantau Greater China yang berpotensi menawarkan nilai jangka panjang yang menarik. Dana Sasaran akan melabur di pasaran di mana pihak berkuasa pengawal selia adalah ahli biasa Organisasi Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (IOSCO). Pasaran di mana Dana Sasaran akan melabur termasuk China, Hong Kong dan Taiwan. Dana Sasaran juga akan melabur dalam saham syarikat patuh Syariah yang tersenarai di Malaysia, Singapura dan Amerika Syarikat, di mana syarikat tersebut mempunyai pendedahan kepada wilayah rantau Greater China.
Peruntukan Aset	<ul style="list-style-type: none">Sehingga 100% Nilai Aset Bersih (NAV) Dana dalam Dana Sasaran, danBaki NAV dana yang tidak dilaburkan di dalam Dana Sasaran akan dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islamik.
Tanda Aras Prestasi	Indeks Pasaran Islam Greater China Dow Jones. <i>Maklumat lanjut mengenai tanda aras boleh didapati di www.bloomberg.com.</i>
Pengurus Dana	Eastspring Al-Wara' Investments Berhad (200901017585 (860682-K))

Yuran & Caj	
Caj Wakalah Pengurusan Aset	1.5% setahun
Caj Lain, jika ada	TIADA

TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

Pendedahan Tambahan untuk Takafulink Dana Ekuiti Dinasti

Takafulink Dana Ekuiti Dinasti dilaburkan ke dalam Dana Eastspring Investments Dinasti Equity, yang diurus oleh Eastspring Al-Wara' Investments Berhad (Pengurus Dana Sasaran).

Sila ambil perhatian bahawa anda akan dikenakan caj tahunan *Wakalah* pengurusan aset sebanyak 1.5% pada peringkat Dana dan tiada caj tahunan *Wakalah* pengurusan aset pada peringkat Dana Sasaran.

Prestasi Dana

Tahun	Prestasi Sebenar	Tanda Aras^^
2022	(26.73%)	(25.56%)
2021	(10.57%)	(11.47%)
2020	37.13%	45.57%
2019	24.24%	23.09%
2018	(16.83%)	(16.12%)
2017	33.66%	30.21%
2016	9.49%	8.51%
2015	18.53%	16.97%
2014	3.74%	9.91%
2013	10.03%	18.04%

^^ Tanda aras: Indeks Pasaran Islam Greater China Dow Jones.

Asas pengiraan prestasi sebelumnya:

$$= \frac{\text{NAV}^* \text{ untuk tahun n}}{\text{NAV}^* \text{ untuk tahun n-1}} \% - 100\%$$

* NAV di sini merujuk pada Nilai Aset Bersih Dana.

Nota Penting: Prestasi lampau Dana bukan satu petunjuk untuk prestasi masa hadapan. Ini adalah prestasi untuk dana pelaburan semata-mata dan bukan pulangan yang diperolehi daripada sumbangan sebenar yang dibayar untuk produk takaful berkaitan pelaburan.

TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

Harga Hadapan

Unit diwujudkan dan dibatalkan pada tarikh penentuan harga berikutnya selepas penerimaan sumbangan atau pemberitahuan tuntutan masing-masing.

Faktor Risiko

Sila rujuk kepada butiran Faktor Risiko yang dinyatakan di bawah:

- **Risiko Pasaran**

Risiko pasaran merujuk kepada potensi kerugian yang berkemungkinan timbul akibat perubahan ketara dalam suasana pasaran. Secara umumnya, keadaan pasaran, dipengaruhi pelbagai faktor termasuk kestabilan ekonomi dan politik. Sekiranya pasaran di mana Dana dilaburkan mengalami kemerosotan akibat keadaan ekonomi atau ketidakstabilan politik, ia boleh memberi impak kepada harga pasaran pelaburan Dana.

- **Risiko Kecairan**

Risiko kecairan merujuk kepada dua senario. Senario pertama adalah di mana sekuriti patuh Syariah tidak dapat dijual kerana ketiadaan pembeli untuk pelaburan tersebut. Senario kedua pula adalah di mana pelaburan tersebut kurang didagangkan. Ia boleh menyebabkan Dana melupuskan pelaburan tersebut di pasaran pada harga yang tidak memberangsangkan dan memberi kesan buruk pada pelaburan yang dibuat oleh peserta. Risiko kecairan boleh dikurangkan melalui proses pemilihan sekuriti cair yang ketat dan pemantauan aktif.

- **Risiko Sekuriti**

Harga sekuriti patuh Syariah tertentu boleh berubah-ubah sebagai tindak balas terhadap keadaan yang menjelaskan syarikat-syarikat. Sebarang pergerakan ketara dalam harga sesuatu sekuriti patuh Syariah yang dilaburkan oleh Dana boleh menjelaskan NAV Dana. Pengurus Dana akan berusaha untuk mengurangkan kesan risiko sekuriti patuh Syariah berkenaan dengan mempelbagaikan sekuriti dalam portfolio.

TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

Faktor Risiko

- **Risiko Ketidakpatuhan**

Ketidakpatuhan kepada undang-undang, peraturan, syarat, resolusi Syariah, dasar dan prosedur dalaman boleh mengakibatkan pengawasan peraturan, reputasi terancam dan mengurangkan potensi pengembangan Dana. Matlamat pelaburan juga mungkin terjejas, sekiranya Pengurus Dana tidak mematuhi mandat pelaburan. Untuk mengurangkan risiko ini, Pengurus Dana mempunyai kawalan dalaman yang ketat dan memastikan pematuhan berterusan dengan undang-undang, peraturan, syarat, resolusi Syariah, amalan yang dinyatakan dan polisi dalaman serta prosedur yang ditetapkan oleh Pengurus Dana.

- **Risiko Syarikat Pengurusan**

Prestasi Dana bergantung kepada pengalaman, kepakaran dan pengetahuan syarikat pengurusan. Sekiranya syarikat pengurusan mempunyai sebarang kekurangan yang berkaitan dengan mana-mana kualiti di atas, ia boleh menjadikan prestasi Dana.

- **Risiko Inflasi**

Risiko ini merujuk kepada risiko di mana pelaburan oleh pelabur dalam Dana mungkin tidak berkembang atau tidak menjana pendapatan yang seiring dengan inflasi, menyebabkan pengurangan kuasa pembelian pelabur walaupun dari sudut kewangan, pelaburan tersebut mungkin telah meningkat.

TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

Faktor Risiko

- **Risiko Pengkelasan Semula Status Syariah**

Ini adalah risiko di mana sekuriti ekuiti patuh Syariah yang sedang dipegang dalam Dana Sasaran boleh dikelaskan semula sebagai tidak patuh Syariah selepas semakan berkala sekuriti tersebut dilakukan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti atau Penasihat Syariah. Jika ia berlaku, Pengurus Dana Sasaran akan mengambil langkah yang perlu untuk melupuskan sekuriti tersebut. Peluang kerugian boleh berlaku akibat sekatan ke atas Dana Sasaran untuk menyimpan lebihan keuntungan modal yang diperolehi daripada pelupusan ekuiti yang dikelaskan semula sebagai tidak patuh Syariah. Jika ia berlaku, Dana Sasaran perlu:

- i. melupuskan sekuriti berkenaan dengan kadar segera atau dalam masa satu (1) bulan kalender jika nilai sekuriti melebihi atau bersamaan dengan kos pelaburan pada tarikh kuat kuasa pengkelasan semula Senarai Sekuriti Patuh Syariah ("Pengkelasan Semula") yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti atau tarikh semakan ("Semakan") daripada Penasihat Syariah. Dana Sasaran dibenarkan untuk menyimpan dividen yang diterima dan lebihan keuntungan modal daripada pelupusan sekuriti sehingga pada tarikh kuat kuasa pengkelasan semula atau penilaian semula. Bagaimanapun, sebarang dividen yang diterima dan lebihan keuntungan modal daripada pelupusan sekuriti tidak patuh Syariah selepas tarikh kuat kuasa pengkelasan semula hendaklah disalurkan kepada baitulmal dan/atau badan amal yang diluluskan;
- ii. untuk memegang sekuriti tersebut jika nilai sekuriti di bawah kos pelaburan pada hari dagangan terakhir sebelum tarikh kuat kuasa pengkelasan atau penilaian semula sehingga jumlah dividen berikutnya yang diterima (jika ada) dan harga pasaran sekuriti bersamaan dengan kos pelaburan di mana pelupusan perlu dilakukan dalam tempoh satu (1) bulan kalender, keuntungan modal (jika ada) daripada pelupusan sekuriti tersebut hendaklah disalurkan ke baitulmal dan/atau badan amal yang diluluskan oleh Penasihat Syariah; atau
- iii. untuk melupuskan sekuriti tersebut pada harga lebih rendah berbanding kos pelaburan yang akan menyebabkan pengurangan nilai Dana Sasaran.

TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

Faktor Risiko

- **Risiko Pengurusan Dana Sasaran**

Walaupun Pengurus Dana akan menggunakan kemahiran dan ketelitian untuk memilih Dana Sasaran, ia tidak mempunyai kawalan ke atas pengurusan Dana (-dana) Sasaran ini dan tiada jaminan bahawa objektif pelaburan akan dicapai. Ini boleh mengakibatkan pelabur mengalami kerugian dalam pelaburan mereka dalam Dana Sasaran.

Dana sasaran mungkin berubah objektif dan menjadi tidak selaras dengan objektif Dana. Dalam keadaan tersebut, Pengurus Dana akan menggantikan Dana Sasaran yang sepadan dengan dana pelaburan kolektif Islamik lain yang dianggap lebih sesuai oleh Pengurus Dana dalam memenuhi objektif Dana. Pemegang unit akan diberitahu mengenai pertukaran tersebut.

- **Risiko Mata Wang**

Dana ini akan melabur di pasaran asing, oleh itu, pelaburan akan didenominasikan dalam mata wang asing. Oleh kerana Dana didenominasikan dalam Ringgit Malaysia, pelaburan dalam mata wang asing akan menyebabkan Dana terdedah kepada risiko mata wang. Kesan dari kadar pertukaran di antara dana mata wang asas dan mata wang pelaburan boleh mengakibatkan susut nilai terhadap pelaburan seperti yang dinyatakan dalam mata wang asas Dana. Dana ini tidak berhasrat untuk terlibat dalam mana-mana perlindungan nilai mata wang untuk mengurangkan risiko mata wang.

- **Risiko Negara**

Dana ini mungkin terjejas oleh risiko khusus kepada negara-negara di mana Dana Sasaran dilaburkan. Risiko tersebut mungkin disebabkan oleh tetapi tidak terhad kepada perubahan di dalam setiap asas ekonomi negara, kestabilan sosial dan politik, perubahan matawang dan polisi pelaburan asing. Faktor-faktor ini boleh memberi kesan kepada nilai pelaburan Dana di negara itu dan seterusnya boleh menjelaskan NAV Dana.

Pelaburan dalam pasaran tertentu mungkin dihadkan atau dikawal. Di sesetengah negara, pelaburan langsung dalam sekuriti patuh Syariah mungkin dilarang dan disekat kerana kehendak undang-undang. Kekurangan ini boleh meningkatkan kos urus niaga dan menjelaskan kecairan dan harga sekuriti patuh Syariah berkenaan.

Pengurus Dana akan sentiasa memantau dan memerhati perkembangan di negara-negara di mana aset Dana Sasaran dilaburkan. Di samping itu, Pengurus Dana Sasaran akan menggunakan proses pelaburan yang bersistematis, termasuk kajian yang kerap, untuk mengurus dan mengurangkan risiko ini.

TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

Faktor Risiko

- **Risiko Lesen**

Risiko ini berkaitan dengan pelaburan dalam sekuriti patuh Syariah yang tersenarai di negara yang memerlukan lesen sebelum membuat apa-apa pelaburan di negara tersebut. Lesen itu boleh dibatalkan/tidak diperbaharu sekiranya Pengurus Dana Sasaran melanggar peraturan-peraturan yang berkaitan di negara tersebut. Jika ini berlaku, Dana Sasaran terpaksa menjual semua sekuriti patuh Syariah yang disenaraikan di bursa-bursa di negara itu dalam tempoh yang ditetapkan. Ini boleh menyebabkan kerugian, maka menjelaskan NAV Dana. Risiko ini akan dikurangkan oleh Pengurus Dana Sasaran dengan tekun memantau dan mematuhi peraturan yang berkaitan di negara tersebut.

- **Risiko Derivatif Islamik**

Risiko derivatif Islamik berkemungkinan menjadi lebih tinggi daripada sekuriti patuh Syariah tradisional. Ketidakstabilan pada nilai NAV Dana tersebut mungkin menjadi lebih tinggi jika nilai yang dilaburkan di dalam derivatif Islamik adalah 30% lebih daripada nilai NAV Dana. Produk berstruktur Islamik boleh mengandungi satu atau lebih derivatif Islamik terkandung, termasuk opsyen Islamik. Nilai opsyen berkenaan bergantung kepada pelbagai faktor-faktor pasaran, seperti peningkatan pada indeks rujukan asas, kebolehubahan atau ketidakstabilan pada indeks, kadar faedah, kadar pertukaran matawang asing dan lain-lain. Nilai opsyen tersebut tidak semestinya berubah pada kadar yang setara dengan perubahan pada indeks rujukan asas. Tambahan pula, opsyen pada dasarnya, cenderung kepada penurunan bagi jangkamasa panjang, dengan andaian bahawa semua faktor-faktor pasaran yang lain kekal tidak berubah. Faktor-faktor ini memberi kesan pada nilai opsyen dan juga nilai pelaburan di mana ianya terkandung.

Nota: Perkara di atas tidak harus dianggap sebagai senarai lengkap risiko yang harus dipertimbangkan peserta sebelum melabur dalam Dana. Peserta perlu sedar bahawa pelaburan dalam Dana mungkin terdedah kepada risiko lain dari semasa ke semasa. Peserta harus berunding dengan penasihat profesional untuk memahami dengan lebih baik berkenaan risiko.

TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

Strategi Pengurusan Risiko

Strategi pengurusan risiko yang digunakan oleh Pengurus Dana termasuk yang berikut:

- Memantau keadaan pasaran dan ekonomi;
- Memantau kepatuhan objektif dan sekatan serta batasan bagi Dana;
- Memantau prestasi Dana;
- Mengambil posisi defensif sementara, apabila perlu; dan
- Menyalur dan melaporkan hal pelaburan kepada jawatankuasa pelaburan, pasukan pengurusan kanan, jawatankuasa audit, jawatankuasa Syariah dan lembaga pengarah.

Maklumat Lain

Pasaran Sasaran	Peserta dengan toleransi risiko yang tinggi dan jangka masa pelaburan yang panjang serta ingin mempunyai pendedahan pelaburan ke rantau Greater China.
Dasar & Kekerapan Penilaian Unit	<ul style="list-style-type: none">• Penentuan harga unit dilakukan setiap hari.• Harga unit dikira berdasarkan pada nilai pasaran aset-aset yang berkaitan bagi Dana, dibahagikan dengan bilangan unit yang dikeluarkan.• Dana tidak membayar sebarang dividen. Semua pendapatan dan keuntungan modal secara automatik dilabur semula dalam harga unitnya.• Harga unit ialah harga tunggal di mana unit diwujudkan dan dibatalkan.• Harga unit Dana dinilai pada akhir setiap hari perniagaan (Tarikh Penilaian). Walau bagaimanapun, disebabkan nilai pelaburan Dana pada akhir Tarikh Penilaian tertentu hanya akan diketahui pada hari perniagaan berikutnya, penentuan harga unit Dana berkenaan dengan Tarikh Penilaian tertentu hanya akan diterbitkan dan dimaklumkan pada 2 hari perniagaan berikutnya (T + 2).

TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

Maklumat Lain

Keadaan Pengecualian	<ul style="list-style-type: none">• PruBSN boleh menangguhkan penentuan harga unit dan menangguhkan pengeluaran atau penebusan unit, atau bertukar kepada mana-mana dana, di bawah Dana ini untuk tempoh yang munasabah dalam keadaan di luar jangkaan, seperti dan termasuk peristiwa campur tangan yang mengakibatkan penutupan sementara mana-mana bursa saham atau penggantungan saham tertentu di mana Dana dilaburkan. Dalam keadaan sedemikian, notis penggantungan mungkin diterbitkan dan mungkin diberitahu kepada Peserta atas permintaan untuk penambahan, pertukaran, penebusan atau pengeluaran kepada/dari mana-mana dana Takafulink tersebut.• PruBSN boleh menggantung penentuan harga unit dan transaksi sijil jika Pengurus Dana Sasaran menggantung langganan Dana Sasaran tersebut.
----------------------	---

Informasi Mengenai Dana Sasaran

Dana Eastspring Investments Dinasti Equity

Strategi Pelaburan

Dana Sasaran ini bertujuan untuk mencapai objektif dengan melabur terutamanya dalam ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah syarikat yang beroperasi di rantau Greater China yang berpotensi menawarkan nilai menarik jangka panjang. Ini termasuk sekuriti patuh Syariah syarikat yang berpangkalan di Greater China yang tersenarai atau akan disenaraikan di bursa yang diiktiraf Republik Rakyat China, Hong Kong dan Taiwan, serta bursa lain yang diiktiraf seperti di Malaysia, Singapura dan Amerika Syarikat di mana pihak berkuasa kawal selia adalah ahli IOSCO. Dana Sasaran ini juga boleh melabur dalam pasaran asing yang tidak disenaraikan di atas di mana pihak berkuasa kawal selia adalah ahli IOSCO, Pengurus Dana Sasaran akan melabur dalam pasaran tersebut setelah memaklumkan seperti yang diperlukan kepada Suruhanjaya Sekuriti. Dana Sasaran ini akan menggunakan pendekatan pelaburan bawah ke atas yang mematuhi Syariah tanpakekangan penanda aras.

Dana Sasaran boleh mengurangkan potensi risiko penurunan ekuiti dengan melabur baki NAV Dana Sasaran yang tidak dilaburkan dalam ekuiti patuh Syariah dan sekuriti yang berkaitan ekuiti patuh Syariah ke dalam instrumen kewangan Islam yang termasuk tetapi tidak terhad kepada sukuk dan aset cair Islamik.

TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

Informasi Mengenai Dana Sasaran

Sekiranya berkenaan, Dana Sasaran akan dilabur di dalam sukuk dengan penarafan kredit minimum AA3/P2 oleh RAM atau penarafan yang setaraf dengan mana-mana agensi penarafan domestik atau global yang lain. Sekiranya penarafan kredit sukuk diturunkan oleh agensi penarafan, Pengurus Dana Sasaran akan melupuskan pelaburan terbabit di pasaran.

Menyentuh produk berstruktur Islamik, sebarang penilaian kredit yang diberikan kepada penerbit produk berstruktur Islamik dan institusi-institusi kewangan yang berkaitan mungkin tertakluk kepada penggantungan, penurunan atau penarikan balik pada bila-bila masa. Sekiranya sebarang penilaian penerbit produk berstruktur Islamik jatuh di bawah tahap yang diperlukan, Pengurus Dana Sasaran akan mengambil tindakan wajar dalam masa 3 bulan atau lebih yang dianggap perlu oleh Pengurus Dana Sasaran. Jika perlu, Pengurus Dana Sasaran akan merujuk kepada Pemegang Amanah dan penasihat Syariah. Tindakan tersebut mungkin termasuk meminta penerbit untuk memberhentikan, membeli balik atau menutup urus niaga tersebut pada nilai yang berpatutan yang ditentukan oleh kaedah atau asas yang telah disahkan oleh juruaudit Dana dan diluluskan oleh Pemegang Amanah. Dalam mengambil tindakan sedemikian, mungkin terdapat kerugian dan/atau perbelanjaan modal.

Bagi instrumen derivatif Islamik, Pengurus Dana Sasaran menggunakan pakai kepakaran syarikat-syarikat bersekutu Eastspring Investments di rantau Asia untuk menggunakan proses pengurusan risiko bagi memastikan penilaian yang tepat dan bebas untuk nilai di kaunter derivatif Islamik dan untuk memastikan pendedahan risiko Dana Sasaran yang berkaitan dengan instrumen derivatif Islamik tidak melebihi had yang ditetapkan. Nilai semasa aset, risiko pihak bertentangan, pergerakan pasaran dan masa yang diperlukan untuk membubarkan kedudukan akan diambil kira.

Dana Sasaran ini diuruskan secara aktif. Walau bagaimanapun, kekerapan strategi dagangannya akan bergantung kepada peluang pasaran dan penilaian daripada Pengurus Dana Sasaran.

Pengurus Dana Sasaran telah memperoleh lesen yang diperlukan sebelum melabur dalam sekuriti patuh Syariah yang disebut harga di bursa Greater China yang diiktiraf, antaranya, Republik Rakyat China dan Taiwan.

Penafian:

Helaian fakta dana utama ini disediakan oleh Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN) untuk maklumat am dan tujuan ilustrasi sahaja dan tidak sepatutnya dijadikan asas untuk membuat keputusan pelaburan, kewangan atau keputusan-keputusan lain. Walaupun bahan-bahan yang digunakan dalam penyediaan profil dana ini diperolehi daripada sumber-sumber yang boleh dipercayai, PruBSN tidak menjamin ketepatan dan kesempurnaan maklumat. Sebarang analisis dan pendapat yang dinyatakan adalah tertakluk kepada perubahan tanpa notis. Prestasi masa lalu tidak menjamin keputusan masa hadapan. Para pembaca dinasihatkan untuk menghubungi PruBSN atau ejen-ejennya untuk butiran lanjut dan penjelasan maklumat yang berkaitan dengan produk yang ditawarkan oleh kami. PruBSN dan mana-mana syarikatnya yang berkaitan menafikan sebarang liabiliti walau apa pun sifatnya, sekiranya para pembaca mengalami kerugian apabila mereka hanya bergantung kepada kandungan maklumat di dalam profil dana ini.

TAKAFUL

Untuk Semua. Untuk Kehidupan

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)
Level 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat, 55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.

Talian Khidmat Pelanggan: +603 2775 7188
E-mel: customer@prubsn.com.my

www.prubsn.com.my



*Semua maklumat dianggap sah pada tarikh penerbitan.
Terbitan Mac 2023*